



Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Universiti Malaysia Perlis telah menganjurkan satu majlis makan malam Ladies Nite PUSPANITA UniMAP pada 26 Mei 2008 lalu di Hotel Putra Palace. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menjalinkan

Ladies Nite - PUSPANITA UniMAP

hubungan mesra dan menyatupadukan isteri-isteri serta anggota-anggota wanita UniMAP di semua peringkat perkhidmatan. Dengan terjalannya ikatan mesra, kerjasama berpasukan dapat dipertingkatkan dengan mudah dan lancar. Ini dapat merencanakan lagi pembangunan dan perkembangan UniMAP kerana mendapat sokongan padu daripada para isteri dan semua kakitangan wanitanya. Majlis turut diserikan dengan keberangkatan DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis. Antara kenamaan lain yang turut hadir ialah Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin serta Pengerusi PUSPANITA Negeri Perlis, Puan Asmahan Ismail.